

CNS7860

U GB 28-12 00173 BB315

AAB

Mahathir - Ekonomi (Bergambar)

DR MAHATHIR YAKIN EKONOMI NEGARA TERUS BAIK PADA 1994

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Malaysia akan mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang baik tahun depan dalam keadaan negara yang aman.

Perdana Menteri berkata, walaupun keadaan ekonomi dunia akan memberi kesan terhadap negara, beliau yakin ekonomi Malaysia tidak akan merosot dan akan berada sekurang-kurangnya pada paras yang ada sekarang.

"Jika tidak ada sesuatu yang luar biasa berlaku kita percaya tahun 1994 juga akan melihat pertumbuhan ekonomi yang baik dan keadaan negara yang aman," katanya kepada pemberita selepas melakukan lawatan ke Angkasapuri bersama-sama Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Beliau juga menyatakan keyakinan bahawa sektor elektronik akan terus menguasai eksport negara terutama ke Amerika Syarikat, yang diramalkan mengalami pertumbuhan baik sebanyak tiga peratus tahun depan.

Selain itu, kata Dr Mahathir, pemulihan ekonomi Jepun juga akan dapat membantu eksport negara walaupun beliau tidak berkeyakinan terhadap ekonomi negara Eropah keseluruhannya. -- Lagi.

▼28/12/16-41MST

U GB 28-12 00162 BB318

AAB

Mahathir - Ekonomi 2 Kuala Lumpur

Mengenai keadaan negara sepanjang tahun ini secara keseluruhannya, beliau berkata: "Kita bernasib baik kerana segala-galanya berjalan dengan baik, kita masih aman dan pertumbuhan ekonomi masih baik."

Bagaimanapun, katanya, rakyat perlu ingat kepada beberapa tragedi yang berlaku seperti kondominium runtuh dan juga banjir yang meragut nyawa.

"Sementara kita boleh bergembira, kita tidak boleh lupa bahawa malapetaka boleh berlaku bila-bila sahaja dan sebab itu kita harus bersedia serta berhati-hati dan tidak terlalu ghairah sehingga lupa daratan."

Ketika ditanya harapannya bagi tahun 1994, Perdana Menteri berkata, semua pihak perlu membuat satu lagi langkah ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020 kerana hasrat untuk mencatatkan pertumbuhan purata ekonomi tujuh peratus selama 30 tahun memerlukan usaha yang lebih tinggi sekarang.

Sementara itu, dalam temubual khas dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM), Dr Mahathir berkata, badan penyiaran itu hanya boleh diperbadankan sekiranya kepentingannya sebagai alat penerangan awam kerajaan akan terus terjamin. -- Lagi.

▼28/12/16-59MST

AAB

Mahathir - Ekonomi 3 (Akhir) Kuala Lumpur  
(Ulangan Membetulkan Nombor Take)

Beliau berkata, Kabinet memutuskan baru-baru ini bahawa RTM amat diperlukan sebagai saluran untuk berhubung terus dengan rakyat sebagai usaha memberi penjelasan tentang dasar-dasar yang dilaksanakan.

"Di mana-mana negara juga kalau ada revolusi tempat pertama yang diambil alih ialah pusat penerangan. Ini menunjukkan betapa pentingnya pusat penerangan kepada kerajaan. Kalau kepentingan ini dapat dijamin, saya yakin usaha untuk memperbadankan RTM tidak menjadi masalah," katanya.

Dalam lawatan hampir enam jam ke kompleks penyiaran itu, Dr Mahathir merasmikan Surau Muhammadi Angkasapuri, gelanggang sukan, menghadiri perhimpunan Setia pegawai dan kakitangan Kementerian Penerangan dan menyaksikan persembahan konsert "Untukmu."

Selain itu, beliau turut merakamkan perutusan tahun baru serta melancarkan perubahan nama dua saluran televisyen RTM iaitu Saluran Perdana bagi rangkaian pertama dan Saluran Emas untuk rangkaian kedua.

Semasa beliau merakamkan perutusan tahun baru, Dr Siti Hasmah pula merasmikan Taman Asuhan Cumi dan Ciki, Angkasapuri.

Dr Mahathir juga turut memotong kek hari jadinya yang ke-68 dan kek ulang tahun ke-30 penubuhan TV Malaysia. -- Bernama.

JO KAM.

▼28/12/17-02MST